

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01/10/2007

Musa Hitam dilantik Pengerusi Synergy Drive

UM - 1/10/2007

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam (**gambar**) dilantik sebagai Pengerusi Synergy Drive Bhd., sementara Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai timbalan pengerusi syarikat itu.

Synergy Drive dalam kenyataannya di sini hari ini berkata, turut dilantik sebagai ahli lembaga pengarah ialah Dr. Ariffin Siregar dari Indonesia, Datuk Henry Sackville Barlow, Datuk Dr. Abdul Halim Ismail dan Datin Paduka Zaitoon Datuk Othman.

Bekas menteri perdagangan dan duta Indonesia ke Amerika Syarikat, Ariffin, yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi, kewangan dan diplomatik merupakan penasihat Goldman Sachs (Asia) LLC selama lebih lapan tahun.

Beliau kini merupakan Pengerusi Lembaga Pesuruhjaya Medco Energy International Tbk, syarikat minyak swasta terbesar di Indonesia dan ahli Lembaga Saudi Economic Development Company di Arab Saudi.

Dengan pelantikan itu mereka menyertai enam pengarah lagi yang dilantik menyertai Synergy Drive pada 14 September lalu iaitu Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali, Raja Datuk Arshad Raja Tun Uda, Datuk Seri Panglima Andrew Sheng Len Tao, Datuk Mohamed Sulaiman dan Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid.


Barlow merupakan ahli lembaga Golden Hope, Guthrie Ropel Berhad, HSBC Bank (Malaysia) Bhd., The Commonwealth University of Malaysia Bhd. dan Sutra Foundation. Dr. Abdul Halim pula adalah bekas pengarah urusan Bank Islam Malaysia sementara Zaitoon ialah Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia.

Dalam mesyuarat lembaga pengarah pertama yang berlangsung semalam, Synergy Drive telah melantik Musa sebagai Pengerusi manakala Ahmad Sarji dilantik sebagai Timbalan Pengerusi.

Dalam mesyuarat yang sama, tiga pengarah pengasas syarikat itu iaitu Tan Sri Md. Nor Yusof, Datuk Zainal Abidin Putih dan Wan Razly Abdullah Wan Ali mengumumkan peletakan jawatan mereka.

Penambahan baru pengarah-pengarah tersebut melengkapkan barisan lembaga pengarah Synergy Drive menjelang penyempurnaan langkah menggabungkan aset dan liabiliti syarikat kumpulan Golden Hope Plantations Bhd., Kumpulan Guthrie Bhd. dan Sime Darby Bhd..

Berikutan pengambilalihan tersebut, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menjadi pemegang saham terbesar Synergy Drive.



- Bernama